

Buat *Pemuda* Yang Aku Cintai

Hj. Shahrul Aman Mohd Saari

impress

AKS
AKADEMI KEPIMPINAN SHAHRUL AMAN

Buat *Pemuda* Yang Aku Cintai

Hj Shahrul Aman Mohd Saari

IMPRESS
2025

Diterbitkan oleh

impress

Alamat No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah, 43300 Seri Kembangan, Selangor

Email ikrammudapusat@gmail.com

Penulis Hj Shahrul Aman Mohd Saari

Tajuk Buat Pemuda Yang Aku Cintai

Karya Asal Harapan Pemuda

Penyunting Usaid Asmadi

Reka Letak Abu Haura'

Reka Bentuk Kulit Syafiq Razak

Kredit Gambar Mesir Kini, Ainullotfhi Abdul-Latif, Sebastian Lee Photography, Dr. Alizi Alias

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit. Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

IMPRESS adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.

KATA PENGANTAR

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, contoh agung dalam perjuangan, serta ke atas para sahabat dan salafussoleh yang tidak pernah mengenal lelah dalam menyambung rantai dakwah sepanjang zaman.

Karangan ringkas *Buat Pemuda Yang Aku Cintai* ini adalah lebih daripada sekadar sebuah tulisan. Ini adalah amanah hati dan wasiat perjuangan yang ditinggalkan oleh Almarhum Shahrul Aman Mohd Saari, seorang daie dan murabbi yang telah mewakafkan seluruh hayatnya untuk perjuangan dakwah ini.

Sebagai seorang yang sempat mengenali Almarhum dalam beberapa pertemuan terhad, saya bersaksi bahawa beliau adalah insan yang hidup sepenuhnya dalam janji

dakwahnya, daripada zaman mahasiswa sehinggalah ke akhir hayatnya. Komitmen, keikhlasan, dan keluasan fikirannya dalam membimbing generasi muda telah menyentuh banyak jiwa. Beliau tidak pernah memilih posisi yang mudah, sebaliknya sentiasa berada di barisan hadapan; memimpin, memikir, dan menggerakkan. Seorang sosok yang wajar menjadi contoh tauladan dan sumber inspirasi, khususnya buat generasi muda.

Tulisan ringkas ini mencerminkan refleksi mendalam Almarhum terhadap keperluan generasi muda dalam dakwah. Lima impian besar yang digariskan; generasi yang beriman, tsabat, berstrategi, berjiwa besar, dan bersedia memimpin adalah cerminan visi jauh seorang murobbi ummah. Ini adalah ajakan ikhlas untuk para pemuda agar bangkit memahami peranan mereka sebagai pewaris risalah ini, agar dakwah terus subur dan tidak terputus kesinambungannya.

Secara peribadi, saya melihat naskhah ini sebagai pesanan berharga dalam usaha membentuk dan membina generasi pelapis. Ia bukan sahaja menggerakkan minda dan menyentuh hati, malah turut meniupkan semangat dan cita-cita untuk melakukan perubahan secara bersama dan berstrategi.

Menyedari tabiat jalan ini yang memerlukan proses pembinaan yang berterusan dan berkesan, maka kami mempersembahkan Akademi Kepimpinan Shahrul Aman (AKSA); sebuah akademi yang bercita-cita

melahirkan lebih ramai sosok dan penggerak baharu dari rahim anak muda.

Semoga dengan penubuhan AKSA ini,diharapkan dapat membangunkan kapasiti dan kebijakan aktivis dakwah untuk meneraju masa depan Ummah yang lebih baik. Semoga Allah memberkati usaha ini.

Semoga Allah s.w.t juga merahmati ruh Almarhum, menerima amalnya sebagai jariah yang tidak putus, dan menempatkannya dalam kalangan para solihin dan syuhada. Saya dedikasikan juga bersempena tarikh sambutan hari guru hari ini, Selamat Hari Murobbi.

Wallahua'lam.

Abdullah Zubayr Mohd Aizaini
Pengarah Akademi Kepimpinan Shahrul Aman
(AKSA)
Setiausaha IKRAM Muda Malaysia
16 Mei 2025

مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ رِجَالٞ صَدَقُواْ مَا عَٰهَدُواْ ٱللَّهَ عَلَيۡهِۖ فَمِنۡهُم
مَّن قَضَىٰ نَحۡبَهُۥ وَمِنۡهُم مَّن يَنتَظِرُۖ وَمَا بَدَّلُواْ تَبۡدِيلٗا

"Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun"

(Surah al-Ahzab: 23)

BUAT *PEMUDA* YANG AKU CINTAI

Saya mulakan kalimah di Tarbiatuna[1] keluaran sulung ini dengan menegaskan bahawa, menjadi tanggungjawab yang menanti di leher setiap ahli untuk memastikan kesinambungan dakwah dan perjuangan Islam yang mulia ini kepada generasi muda yang mendatang. Dinding masa depan bermula sekarang dengan barisan baru dan natijahnya akan terserlah melepasi 10 tahun mendatang. Izinkan saya menegaskan beberapa pengharapan berkenaan konteks ini berdasarkan beberapa sedikit pengamatan di lapangan.

Pertama, kita mengimpikan generasi muda yang mempunyai iman yang mendalam, berani menyatakan kebenaran dan bangun beramal secara proaktif dan

1 Tarbiatuna adalah majalah tarbiah di bawah kelolaan Jawatankuasa Tarbiah Pusat Pertubuhan IKRAM Malaysia. Tulisan ini diterbitkan dalam Bil. Keluaran 01 pada Disember 2013 (peny.)

strategik. Ini bersesuaian dengan pengiktirafan Allah SWT di dalam surah al-Kahfi ayat 12 dan 13;

ثُمَّ بَعَثۡنَٰهُمۡ لِنَعۡلَمَ أَيُّ ٱلۡحِزۡبَيۡنِ أَحۡصَىٰ لِمَا لَبِثُوٓاْ أَمَدٗا
{٢١} نَّحۡنُ نَقُصُّ عَلَيۡكَ نَبَأَهُم بِٱلۡحَقِّۚ إِنَّهُمۡ فِتۡيَةٌ ءَامَنُواْ
بِرَبِّهِمۡ وَزِدۡنَٰهُمۡ هُدٗى {٣١}

"Kemudian Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), untuk Kami menguji siapakah dari dua golongan di antara mereka yang lebih tepat kiraannya, tentang lamanya mereka hidup (dalam gua itu). Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk."
(Surah al-Kahfi: 12-13)

Kedua, kita mengimpikan generasi muda yang kekal tsabat di atas jalan ini, berdisiplin dengan manhaj, beriltizam dengan wasilah tarbiah dan taat kepada tanzim selari dengan piawai 10 rukun bai'ah[2] yang dirumuskan oleh As-Syahid Sheikh Hassan al-Banna.

Ketiga, kita mengimpikan generasi muda yang akan meneruskan nafas dakwah ini dengan mempertahankan perjalanan, institusi dan hubungan dakwah ini dengan

2 Dijelaskan dalam Risalah Taalim yang diterbitkan pada Julai 1938. Sebanyak 10 Rukun Baiah iaitu Faham, Ikhlas, Amal, Jihad, Pengorbanan, Taat, Tsabat, Tajarrud, Ukhuwwah, dan Tsiqoh (peny.)

semangat generasi Quran yang unggul (*Jilul Qurani Farid*), berjiwa besar, bercita-cita tinggi (*Himmah A'liyah*) dan tidak kenal erti henti (*Mujahadah*). Adalah menjadi kerugian besar tatkala usaha dakwah yang telah dimulakan terputus dan generasi terkemudian perlu bermula kembali (*Recreate the Wheel*) kerana tidak menjiwai perjuangan asal.

Keempat, kita mengimpikan 'Al-Fatih' yang akan membina kejayaan yang baru (*new frontiers*) dan mengubah landskap dakwah melebihi daripada pencapaian sedia ada (*status quo*), menuju ke arah mihwar seterusnya; tanpa menafikan jasa baik ikhwah dan akhawat yang sudah puluhan tahun mendahului usaha baik ini. Malah didoakan bersesuaian dengan surah al-Hasyr ayat 10;

وَٱلَّذِينَ جَآءُو مِنۢ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَٰنِنَا ٱلَّذِينَ سَبَقُونَا بِٱلْإِيمَٰنِ وَلَا تَجْعَلْ فِى قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ {١٠}

"Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami!

Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu"
(Surah a;-Hasyar: 10)

Kelima, kita mengimpikan generasi muda yang berada seiring di lapangan dan turut mewarisi pengalaman berharga samada baik mahupun perit daripada generasi awalan. Malah, inilah masanya generasi muda untuk memulakan langkah membantu berperanan dalam memimpin di semua peringkat.

Ayuh, kita rancakkan dan tingkatkan lagi sinergi '*Hikmah as-Syuyukh wa Hamasah as-Syabab*' di semua lapangan yang ada; dari bersukan di padang bola ke berqiamulail di masjid-masjid, dari khidmat masyarakat di kampung-kampung ke menyantuni NGO Islam dan bukan Islam, dari berceramah di dewan-dewan ke bermesyuarat di peringkat daerah, negeri dan pusat berkenaan polisi, strategi dan eksekutif. Resipi kombinasi ini tiada penghujungnya.

Wallahua'lam.



Akademi Kepimpinan Shahrul Aman (AKSA) merupakan sebuah wadah pembinaan dan pembangunan kepimpinan IKRAM Muda Malaysia. AKSA mengisi wadahnya melalui 4 perkara utama:

- فهيم الواقع - Memahami dengan baik segmen anak muda dan konteks semasa
- تعميق الفكرة - Mendalami fikrah Islam yang holistik
- تدريب المهارات - Membina kemahiran insaniah yang strategik dan berimpak
- قصص النجاح - Membuka ruang perkongsian sesama ahli

AKSA bercita-cita besar untuk mencetuskan perubahan dan memandu arahnya melalui sosok-sosok yang sudah

disiapkan demi membina negara yang lebih baik daripada sebelum ini.

Nama akademi ini diambil sebagai penghargaan terhadap sumbangan dan jasa yang telah diberikan oleh almarhum Hj Shahrul Aman Mohd Saari yang telah mewakafkan diri beliau dalam perjuangan gerakan Islam ini semenjak ketika usia mahasiswa hinggalah ke hujung usia. Kehadiran beliau dalam medan lapangan diakui bukan sahaja oleh keluarga besar IKRAM, bahkan daripada pelbagai kumpulan dan individu yang pernah bekerjasama dengan beliau.

Moga lebih ramai yang berjiwa seperti beliau lahir daripada AKSA ini.











MEDIART STUDIO RATE CARD

Poster or Banner Program/Event	RM 160
Poster/Banner Ucapan	RM 120
Logo	RM 200
Bunting	RM 160
Signboard	RM 150
Landyard	RM 150
Name Card	RM 150
Design Baju	RM 300
Profil Korporat	RM 300
Video Reels (Compose)	RM 150
Lain-lain	Boleh Bincang

013 918 2239 Ajak











































